



## **KENYATAAN MEDIA PASCA PRU15**

### **UCAPAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-10: PERKUKUH KEPIMPINAN POLITIK WANITA DALAM KABINET DAN DEWAN NEGARA**

Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. Pantau PRU15 menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkenan bercemer duli meleraikan kekusutan 'parlimen tergantung'. Menjunjung kasih Tuanku.

Pantau PRU15 menaruh penuh harapan agar YAB Perdana Menteri menumpukan perhatian kepada proses penyatuan semula rakyat Malaysia sebagai sebuah bangsa setelah proses kempen pilihan raya yang perit dan memecah belah. Rakyat mengharapkan sebuah Kerajaan yang inklusif dalam agenda pengukuhan perpaduan, pemacuan perkembangan ekonomi dan jaminan keadilan bersandarkan Perlembagaan Persekutuan.

Pantau PRU15 mengharapkan Kabinet atau Jemaah Menteri akan terdiri dalam kalangan yang berbakat, berkemahiran dan berilmu yang mewakili kepelbagaian masyarakat. Wanita yang merupakan hampir 50 peratus penduduk Malaysia menggesa perwakilan yang setimpal, selari dengan dasar afirmatif Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam badan legislatif dan eksekutif. Gesaan ini bersandarkan kajian yang menunjukkan penglibatan dan perspektif wanita dalam kepimpinan meningkatkan mutu pembuatan keputusan dan pulangan hasil yang amat baik. Pencapaian sekurang-kurangnya 30 peratus akan memperbaiki imej negara di mata antarabangsa daripada segi kedudukan kepimpinan politik dalam Indeks Jurang Gender Dunia.

Sungguhpun suara wanita diwakili hanya oleh 30 orang wakil rakyat dalam Parlimen, namun kebolehan mereka sebagai pemimpin tidak diragui dan masing-masing mempunyai rekod prestasi yang cemerlang. Kami menggesa pertimbangan yang sedalam-dalamnya 18 orang Yang Berhormat Wanita dalam parti yang menubuh Kerajaan untuk jawatan Menteri dan Timbalan Menteri. Demi memperkukuh perpaduan, Pantau PRU15 juga mencadangkan Yang Berhormat wanita daripada parti pembangkang yang mempunyai pengalaman dan latar belakang kepimpinan yang baik dipertimbangkan.

Memandangkan perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat hanya 13.5 peratus sahaja, Pantau PRU15 berharap lebih ramai pemimpin wanita dilantik sebagai Senator di Dewan Negara. Setakat ini, terdapat hanya lapan (8) orang wanita (18 peratus) daripada 46 orang senator.

Sesungguhnya, Pantau PRU15 berpandangan bahawa keputusan PRU15 kali ini mempunyai hikmah pembentukan Kerajaan Perpaduan dengan semangat pembaharuan yang luar biasa. Tatakelola baharu pasca PRU15 ini termasuklah pelaksanaan peningkatan inklusiviti gender demi kepentingan dan kemajuan negara.

**#WanitaPemimpinRakyat #Min30peratuswanita #MoreWomenBetterGovernance**

### **Pantau PRU15, 28 November 2022**

1. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO)
2. Rasuah Buster
3. Akademi Gagasan Minda Merdeka
4. Girls for Girls
5. ENGENDER
6. KANITA, USM
7. Pertubuhan IKRAM Malaysia
8. Pertubuhan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
9. Women's Aid Organisation (WAO)
10. All Women's Action Society (AWAM)
11. Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF)
12. Family Frontiers
13. POW.ER
14. Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC)
15. GAP.MY
16. Persatuan Wanita Kedah (Wanida)
17. White Ribbon Malaysia
18. Penang Women's Development Corporation
19. Purple Lily Kuching
20. KASIH Malaysia
21. Green Lifestyle Association
22. Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang
23. MyWatch
24. Pusat Kepimpinan Tun Fatimah, UKM
25. Sisters in Islam (SIS)

*\*Pantau PRU15 ialah gabungan yang diketuai Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang terdiri daripada 200 NGO wanita, 24 rakan kerjasama NGO dari serata tanah air dan para ahli akademik. Gabungan ini bertujuan untuk mengangkat kepentingan peningkatan penglibaran wanita dalam badan legislatif, menggesa parti-parti politik untuk mengisi sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita dalam PRU15, memantau dan menganalisis prestasi parti-parti politik dalam rencana peningkatan jumlah penglibatan wanita dalam PRU15, khidmat profesional dan sokongan psikososial kepada calon wanita.*